

259
NO. SOALAN: ~~264~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]

SOALAN : ~~264~~ 259

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dan menerangkan status terkini jumlah pelarian Rohingya yang telah diterima masuk ke Malaysia dan jumlah pembiayaan yang telah ditanggung oleh Kerajaan bagi menampung kehadiran mereka.

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik UNHCR sehingga 31 Januari 2017, terdapat seramai 56,135 orang berdaftar dengan UNHCR iaitu 55,659 pemegang kad UNHCR dan 11,476 pemohon suaka etnik Rohingya di Semenanjung Malaysia seperti berikut:

	PEMEGANG KAD UNHCR				
	Lelaki	%	Wanita	%	Jumlah
Kanak-kanak	6,949	15.6	5,919	13.3	12,868
Dewasa	24,135	54	7,656	17.1	31,791
Jumlah	31,084		13,575		44,659

	PEMOHON SUAKA				
	Lelaki	%	Wanita	%	Jumlah
Kanak-kanak	1,114	9.7	846	7.4	1,960
Dewasa	8,343	72.7	1,173	10.2	9,516
Jumlah	9,457		2,019		11,476

Kerajaan tidak mengiktiraf status 'pelarian' dan pemohon suaka termasuk etnik Rohingya, Myanmar. Ini memandangkan Malaysia bukan Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 atau Protokol 1967. Walau bagaimanapun, Kerajaan atas dasar kemanusiaan membenarkan pemegang kad UNHCR tinggal sementara di negara ini sehingga dihantar pulang ke negara asal atau penempatan ke negara ketiga.

Kerajaan tidak menyediakan sebarang peruntukan kewangan kepada pemegang kad UNHCR termasuk etnik Rohingya, Myanmar memandangkan tanggungjawab ini adalah dibawah pihak UNHCR. Walau bagaimanapun, Badan Bukan Kerajaan (NGO)

tempatan dan antarabangsa turut menghulurkan bantuan dan sumbangan kewangan kepada pemegang kad UNHCR ini.

Sekian, terima kasih.